

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIRIL
ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 19 MAC 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Ar. Wan Mohammad Khairil Anuar Bin Wan Ahmad minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian yang terkini di dalam industri "*sustainable energy*" dan apakah perancangan untuk negara dalam jangka masa panjang, supaya rakyat jelata mendapat kesan dan nikmat daripada usaha Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) sememangnya telah mengenal pasti bahawa industri berdasarkan *sustainable energy* atau tenaga lestari akan memainkan peranan yang penting dalam memastikan penjanaan bekalan elektrik bagi negara ini kekal cekap, berkesan, berdaya harap dan kos efektif. Justeru itu, Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia) telah ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari 2011 untuk memacu pembangunan tenaga lestari dengan lebih teratur dan bersepadu. Di samping itu, pihak Suruhanjaya Tenaga melalui Akta Bekalan Elektrik juga sentiasa memantau penggunaan tenaga elektrik supaya ia digunakan dengan cekap dan menjurus kepada kelestarian tenaga elektrik di negara ini.
2. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh KeTTHA dalam membangunkan tenaga lestari seperti :

- (i) menjalankan program-program kesedaran di institusi pengajian tinggi dan sekolah-sekolah termasuk penyebaran maklumat kepada masyarakat setempat dan para pengguna awam;
- (ii) mengkehendaki para pengguna termasuk pihak industri dan komersial yang menggunakan tenaga elektrik melebihi 3 juta kilowattjam (kWj) untuk tempoh 6 bulan berturut-turut melantik Pengurus Tenaga Elektrik berdaftar untuk memantau dan menasihati pemunya pemasangan dalam hal-hal berkaitan penggunaan tenaga elektrik dengan cekap;
- (iii) memandatorikan pelaksanaan Standard Prestasi Tenaga Minimum atau *Minimum Energy Performance Standard (MEPS)* dan penarafan kecekapan tenaga beserta pelabelan ke atas 5 jenis peralatan elektrik iaitu peti sejuk, penghawa dingin, kipas domestik, televisyen dan lampu. Mulai 3 Mei 2015, hanya peralatan elektrik yang mematuhi keperluan MEPS sahaja yang boleh diimport, dijual dan dikilang di negara ini;
- (iv) KeTTHA juga memantau penggunaan tenaga elektrik di 25 Kementerian di Putrajaya dan luar Putrajaya. Pada tahun 2014, 25 Kementerian yang dipantau telah berjaya menjimatkan

penggunaan tenaga elektrik sebanyak 5.6% berbanding pada tahun 2013;

- (v) memperkenalkan konsep *Energy Performance Contracting (EPC)* yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada Januari 2013. Melalui konsep EPC ini projek-projek kecekapan tenaga di bangunan-bangunan Kerajaan akan melibatkan *Energy Service Company (ESCO)*. Ianya tidak akan melibatkan apa-apa kos kepada pihak Kerajaan di mana pelaburan bagi projek penjimatan tenaga di bangunan-bangunan Kerajaan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak ESCO dan penjimatan yang terhasil akan digunakan untuk membayar kos projek kecekapan tenaga tersebut kepada pihak ESCO. Konsep ini terbukti berkesan dan telah pun dilaksanakan dengan jayanya di Thailand, Jepun, Taiwan, China, Amerika Syarikat dan Australia; dan

- (vi) memperkenalkan Feed-in-Tariff (FiT) sejak 1 Disember 2011 sebagai pemangkin kepada pertumbuhan industri Tenaga Boleh Baharu (TBB). Di bawah mekanisme ini, 5 sumber TBB adalah layak untuk mendapat kadar FiT iaitu biomas daripada sisa pertanian dan sisa pepejal, biogas, hidrokuasa kecil, solar PV dan geothermal bagi meningkatkan sumbangan TBB dalam

campuran tenaga negara di mana sasaran jumlah kapasiti pemasangan TBB yang telah ditetapkan di bawah dasar ini adalah sebanyak 2,080MW menjelang tahun 2020.

3. Bagi jangka masa panjang, Kerajaan berharap untuk memperkenalkan penggunaan *Enhanced Time of Use (ETOU)*, *smart meter*, *smart grid* dan *net metering*. Langkah sedemikian akan memberi pilihan kepada rakyat jelata menggunakan bekalan elektrik pada luar waktu puncak yang akan mengurangkan bil elektrik mereka. Mereka juga boleh membuat pilihan untuk menjana bekalan elektrik untuk kegunaan sendiri dan menjual lebihan bekalan elektrik kepada pihak utiliti. Pembangunan pemasangan TBB berskala besar juga akan diperluaskan bagi mengurangkan kebergantungan ke atas sumber tenaga fosil yang tidak lestari dan mencemarkan alam sekitar.